



# MUZAKARAH

SULTAN NAZRIN MUIZZDDIN SHAH

KERTAS KERJA

**ULAMA' DAN UMARA' PENERAJU GELOMBANG  
POLITIK DALAM MEMBENTUK KHAIRA UMMAH**

TARIKH

**24 DAN 25 FEBRUARI 2020**

TEMPAT

**CASUARINA CONVENTION CENTRE  
CASUARINA@MERU, BANDAR MERU RAYA  
IPOH, PERAK.**



Disediakan Oleh

**S.S. Dato Dr. Haji Zulkifly Bin Muda  
Mufti Negeri Terengganu**

**BAHAGIAN I: BIODATA DIRI****Maklumat Peribadi**

Nama	S.S. Dato Dr. Haji Zulkifly bin Muda
Jawatan Sekarang	Mufti Negeri Terengganu (1.4.2013 – sekarang )
Tarikh/Tempat Lahir	20 April 1966 (Kuala Terengganu, Terengganu)
Warganegara	Malaysia
No. Kad Pengenalan	660420-11-5431
Jabatan/Fakulti	Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Pembangunan Sosial
Bidang Pengkhususan	Syariah/ Undang-Undang keluarga Islam/Fiqh Perbandingan Mazhab/Pengajian Perundangan Islam Di Malaysia
Alamat Surat-Menyurat	141 Kg. Losong Hj Mohd, 21000, Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia.
No. Telefon	013 2339511 / 09-6252525 ext 3101
Alamat e-mel	zulmuda66@gmail.com
No. Faks	-

**Kelayakan Akademik**

- Ph.D, Syariah (Undang-undang Keluarga / Diri Islam) Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, Selangor. (14/11/1995 – 20/3/2000) Tajuk Tesis: *Pertukaran Agama dan Mazhab: Kesannya Terhadap Undang-Undang Diri Di Malaysia*
- M.A, Syariah (Fiqh Dan Usul), Jabatan Fiqh Dan Tasyri', Universiti Jordan, Amman, Jordan. (1/2/1992 – 20/8/1995). Tajuk Tesis: *Perdamaian Melalui Perantaraan Harta Benda Di Sisi Perundangan Islam* (terj.)
- B.A Hons, Syariah (Syariah Islamiyah), Jabatan Syariah Dan Qanun, Universiti Azhar, Kaherah, Mesir. (9/1987 – 28/7/1991)
- Diploma In Shariah Law And Practice (DSLP), Pusat Undang-Undang, Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak, Selangor. (9/2001 – 3/5/2002)

- Sijil Thanawi Ma'ahad Azhar (Shahadah Thanawiyah Azhariyah), Ma'ahad al Bu'uth al Islamiyah al Azhariyah, Abbasiyah, Kaherah. (1986 – 9/1987)
- Sijil Thanawi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu, Sekolah Menengah Agama Atas Sultan Zainal Abidin, Batu Buruk, Kuala Terengganu (1982 - 1985)
- SPM (1990), Sijil Am Pelajaran (peperiksaan Bahasa Melayu Julai) (1999)

## **Rekod Perkhidmatan**

- Penolong Pensyarah di Jabatan Undang-Undang Islam, Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, (AIKOL), Universiti Islam Antarabangsa (1993)
- Pensyarah di AIKOL (1995) (DS 45)
- Penolong Profesor AIKOL (2000) (DS 45)
- Penolong Profesor AIKOL (2006) (DS 52)
- Pensyarah (kontrak) DC 41, Institut al Quran Terengganu (11 Mac-14 Julai 2009)
- Pensyarah Kanan (kontrak) DS 51, Universiti Malaysia Terengganu (15 Julai 2009 hingga sekarang)
- Pensyarah Sambilan untuk subjek Islamic Family Law dan Islamic Legal System, Islamic Criminal Law di Fakulti Undang-Undang, Universiti Darul Iman Malaysia, Gong Badak, Kuala Terengganu, Semester Julai 2007/2009.
- Pensyarah Sambilan untuk subjek TITAS, Jabatan Ekologi Sosial, Fakulti Pengurusan & Ekonomi, Universiti Malaysia Terengganu, Kuala Terengganu, Semester 2 sesi Disember 2007/2008.
- Pensyarah Sambilan subjek Madkhal Quran, Fiqh Nusus, Tafsir Ayat Ahkam, Pengantar Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (1999-2001)
- Pensyarah Sambilan Ma'ahad Tahfiz Kuala Kubu (1999)
- Pensyarah Sambilan Ma'ahad al Manar (1999-2000)

- Pensyarah Sambilan untuk subjek TITAS, Jabatan Ekologi Sosial, Fakulti Pengurusan & Ekonomi, Universiti Malaysia Terengganu, Kuala Terengganu, Semester 1 sesi Ogos 2008/2009
- Pensyarah Sambilan Open Universiti Malaysia bagi subjek Quran & Tajwid, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial. Semester Januari 2008
- Pensyarah Sambilan Open Universiti Malaysia bagi subjek Quran & Tajwid, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial. Semester September 2008
- Pensyarah Sambilan Open Universiti Malaysia bagi subjek Pengantar Tafsir, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial. Semester September 2009
- Pensyarah Sambilan Open Universiti Malaysia bagi subjek Quran & Tajwid, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial. Semester Januari 2010
- Pensyarah Sambilan Open Universiti Malaysia bagi subjek Quran & Tajwid, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial. Semester September 2010
- Pensyarah Sambilan Open Universiti Malaysia bagi subjek Pengantar Tafsir Quran & Tajwid, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial. Semester Januari 2011
- Pensyarah Sambilan Open Universiti Malaysia untuk pelajar Sarjana (Master) bagi subjek Maqasid Syariah, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial. Semester Sept 2012
- Pensyarah Sambilan Jabatan Syariah, Fakulti Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Gombak bagi subjek Usul Fiqh (SHA4440A) dan Quranic Ayat On Law (SHA1561A) semester september 2012

### **Ahli Organisasi Luar (Profesional Dan Konsultan)**

1. Pengerusi kepada Jawatankuasa Kawalan Mutu Calon Penulis Buku Teks di Bahagian Buku Teks (BBT) (Buku Pendidikan Islam Tingkatan 4), Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001-2003) (KP.BT.8949/C/SM/Jld.2 (17) 29 December 2001)
2. Pengerusi Jawatankuasa Kawalan Mutu di Bahagian Buku Teks (BBT) (Buku Pendidikan Islam Tingkatan 2), Kementerian Pendidikan Malaysia. (KP.BT8949/C/Jld 5(53) 31 th Julai 2002)
3. Ahli Jawatan Kuasa Penyelidikan Dan Penerbitan Yayasan Islam Terengganu (YIT), (YITR (S)301.27.Jld.2(5) kerajaan Negeri Terengganu bermula 2011-sekarang
4. Tenaga pengajar Optimum Ventures Sdn. Bhd (OVSB 17.03.02.02 (02)

5. Pakar rujuk kepada Jawatankuasa Kawalan Mutu di Bahagian Buku Teks (BBT) (Buku Pendidikan Islam Tingkatan 4), Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001-2003)
6. Pengerusi Kajian Semula Mata Pelajaran Tahun 5 Syariah, Jabatan Undang-Undang Islam, Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, 2003
7. Penilai sukanan pelajaran kepada The Academic Status Equivelant of Madrasah al Junaid Singapore (2004).
8. Panel Penasihat Zar Perunding (7 th Julai 2004)
9. Ahli Jawatankuasa PERKIM BAHAGIAN WILAYAH PERSEKUTUAN 2005/2007
10. Timbalan Pengerusi PERKIM Cawangan ASDAF 2005/2007
11. Dilantik sebagai penasihat / pakar rujuk agama (Adviser / expert in religious affair) Persatuan Pekak Malaysia (10/1/2002-10/1/2007)
12. Ahli Jawatan Kuasa Penulisan Dan Penilaian Khutbah Negeri Terengganu, 2008-sekarang
13. Penyelaras Program al Hidayah RTM Terengganu (Terengganu FM) dengan kerjasama Universiti Malaysia Terengganu bagi bulan Ramadhan 2009
14. Penyelaras Program al Hidayah RTM Terengganu (Terengganu FM) dengan kerjasama Universiti Malaysia Terengganu bagi bulan Ramadhan 2010

## **Buku**

1. Buku *Isu-Isu Berkaitan Zakat*, (ISBN 9789833793846), keluaran 2010, MAIDAM, Kuala Terengganu.
2. Buku *Jenayah Hudud Dan Pembunuhan Menurut Perundangan Islam*, (9789675366451), keluaran 2010 Universiti Malaysia Terengganu
3. Buku *Isu-Isu Ibadat Puasa*, (ISBN 9789830424330) keluaran Disember 2009 oleh Bahagian Penerbitan JAKIM, Putrajaya.
4. Buku *Isu Perubatan Dalam Islam*, (ISBN 978-967-5527-09-8), terbitan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), terbitan 2010

5. Buku *Islam dan Ideologi Masakini*, Jabatan Ekologi Sosial, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Kolej Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) bersama Nizaita Omar, Asyraf Ab Rahman dan Fadzli Adam (2007)
6. Buku *The Concept of Crime and Criminal Law in Islam*, cetakan 2010, (ISBN 9789675527104), terbitan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
7. Buku *Apa Kata Islam Mengenai Hubungan Sosial*, (ISBN 9789675137044) untuk 2009 oleh PTS, Kuala Lumpur.
8. Buku *Fiqh al Nusus Fi al Ahwal al Sakhsiyah* (ISBN 967-9976-12-0) Pustaka Nur Enterprise, Kuala Terengganu, 2006.
9. Buku *An Introduction To Islamic Criminal Law*, (ISBN 967-9976-04-X), Pustaka Nur Enterprise (191 mukasurat), Kuala Terengganu, 2006
10. Buku *Perundangan Islam Dalam Isu-Isu Ibadah & Taharah*, (ISBN 967-9976-05-X), Pustaka Nur Enterprise (133 mukasurat), Kuala Terengganu, 2006
11. Buku *Perundangan Islam Dalam Beberapa Isu Ibadat Puasa* (ISBN 978-967-9976-04-01), Pustaka Nur, Kuala Terengganu 2006.
12. Buku *Perundangan Islam Dalam Isu-Isu Jenayah*, (ISBN 967-9976-02-05), Pustaka Nur Enterprise (214 mukasurat), Kuala Terengganu, 2006
13. Buku *Qadaya fi al Fiqh al Muqarin* (ISBN 967-9976-11-3) Pustaka Nur Enterprise (141 mukasurat), Kuala Terengganu, 2006.
14. Buku *Fiqh al Nusus fi al Uqubat wa al Jaraim* (ISBN 983-3271-00-6) Sept. 2004 terbitan Dar al Ahnaf Enterprise (209 mukasurat), Padang Balang Kuala Lumpur.
15. Buku *Turuq al Istinbaq fi al Syariat al Islamiyat* (ISBN 983-3271-02-2) Sept. 2004 terbitan Dar al Ahnaf Enterprise (220 mukasurat), Padang Balang Kuala Lumpur.
16. Buku *Mabahith al Hukm Ladai al Usuliyin* (ISBN 983-3271-03-0) Sept. 2004 terbitan Dar al Ahnaf Enterprise (225 mukasurat), Padang Balang Kuala Lumpur.
17. Buku *Beberapa Isu Perubatan Pandangan Islam Berkaitan Dengannya* (ISBN 983-3271-04-9) Sept. 2004 terbitan Dar al Ahnaf Enterprise (190), Padang Balang Kuala Lumpur.
18. Buku *An Introduction of the Islamic Criminal Law*, Pustaka Nur Enterprise, Kuala Terengganu, (ISBN 967-9976-07-6) keluaran 2006

19. Buku *Beberapa Isu Agama (Siri 1)*, (ISBN 978-963-3793-93-6), Terbitan Majlis Agama Islam Terengganu (MAIDAM), Kuala Terengganu, 2011
20. Buku *Penyelewengan Aliran Syiah*, (978-967-1078-40-2), Darul Nuha Enterprise, Kuala Terengganu, terbitan 2011
21. *Fiqh Hadith: Huraian Hadith Berkait Masyarakat*, (ISBN 9789670390079) Terbitan Majlis Agama Islam Terengganu (MAIDAM), Kuala Terengganu, 2012
22. Buku *Beberapa Isu Agama (Siri II)*, (ISBN 9789670390178) Terbitan Majlis Agama Islam Terengganu (MAIDAM), Kuala Terengganu, 2012
23. Buku *Jawapan Terhadap Persoalan Agama*, (ISBN 9789671376010) Terbitan Jabatan Mufti Negeri Terengganu, 2015
24. Buku *Isu-Isu Ibadat Korban dan Aqiqah*, (ISBN 9789671376027) Terbitan Jabatan Mufti Negeri Terengganu, 2016
25. Buku *Penerangan Agama Terhadap Isu-Isu Masyarakat, (Siri 1)* (ISBN 9789671376041) Terbitan Jabatan Mufti Negeri Terengganu, 2016
25. Buku *Penerangan Agama Terhadap Isu-Isu Masyarakat, (Siri 2)* (ISBN 9789671376058) Terbitan Jabatan Mufti Negeri Terengganu, 2016
26. Buku *Penerangan Agama Terhadap Isu-Isu Masyarakat, (Siri 3)* (ISBN 9789671376034) Terbitan Jabatan Mufti Negeri Terengganu, 2016

### **Penglibatan di bawah Jabatan Mufti Negeri Terengganu**

#### 1. Peringkat Negeri

- Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu
- Pengerusi Jawatankuasa Melihat Anak Bulan Negeri Terengganu
- Pengerusi Temuduga Imam Bilal Negeri Terengganu
- Ahli Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu
- Pengerusi Temuduga Tauliah Mengajar Negeri Terengganu

- Ahli Jawatankuasa Zakat, Wakaf dan Baitulmal, MAIDAM
- Ahli Jawatankuasa Pendidikan Agama Islam, MAIDAM
- Ahli Jawatankuasa Penyemakan dan Penilaian Penulisan MAIDAM
- Ahli Jawatankuasa Penasihat Kewangan, Pembangunan dan Pelaburan MAIDAM
- Ahli Jawatankuasa Panel Peguam Syarie, MAIDAM
- Ahli Jawatankuasa Ar-Rahnu, MAIDAM
- Ahli Lembaga Institut Al-Quran Terengganu
- Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu
- Ahli Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan Yayasan Islam Terengganu
- Ahli Jawatankuasa Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Terengganu
- Ahli Jawatankuasa Khidmat Masyarakat dan Dakwah Yayasan Islam Terengganu

## 2. Peringkat Kebangsaan

- Ahli Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia
- Ahli Lembaga Teks Al-Quran, Kementerian Dalam Negeri.
- Ahli Jawatankuasa Majlis Perundangan Islam (MPI), JAKIM
- Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah, JAKIM
- Ahli Jawatankuasa Penapisan Bahan Bercetak Berunsur Islam, JAKIM
- Ahli Jawatankuasa Syariah YaPIEM
- Ahli Jawatankuasa Pentashihan Tafsir Pedoman Muttaqin, JAKIM
- Ahli Jawatankuasa Penasihat Piawaian Perakaunan Islam, Akauntan Negara Malaysia

## **Ulama' dan Umara' Peneraju Gelombang Politik dalam Membentuk Khaira Ummah**

S.S. Dato Dr. Haji Zulkifly bin Muda  
Mufti Negeri Terengganu

### **Pengenalan**

*Khaira Ummah* (sebaik-baik ummah) adalah gelaran yang dimandatkan kepada umat Muhammad S.A.W yang peranannya adalah mendaulatkan syariat Allah. Natijah daripada pelaksanaan amanah dan tanggungjawab sebagai *khaira ummah*, maka lahirlah sebuah Tamadun Islam yang gemilang dalam sejarah dunia. Di sinilah fokus perbincangan kertas kerja dalam mengupas peranan ulama' dan umara' serta hubungan keduanya dalam memastikan kelangsungan bahkan kelestarian politik dalam membentuk *khaira ummah*.

### **Kedudukan dan Ciri Ulama'**

Ulama' dianggap amat penting dalam sesebuah masyarakat kerana kedudukannya sebagai pemimpin informal (Alfian, 2014) yang berperanan secara tidak langsung dalam pembinaaan masyarakat dan negara. Ulama' adalah pewaris para nabi dan penyambung lidah kebenaran. Rasulullah S.A.W. mewariskan ilmu yang kemudiannya disampaikan kepada manusia dari masa ke masa oleh ahli ilmu, iaitu ulama'. Ulama' yang soleh, dakwahnya mengajak kepada amar ma'ruf dan nahi munkar. Mereka tidak canggung memberi nasihat dan peringatan kepada sesiapa sahaja termasuklah kepada golongan pemimpin (Muhammad Nuh, 2019).

Ciri-ciri ulama' turut disebut dalam Al Quran dan diulas oleh sebahagian tokoh Islam. antaranya sebagaimana berikut:

1. Takutkan Allah. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Sesungguhnya yang paling takut kepada Allah adalah ulama.”

(Fathir: 28)

2. Memahami Al Quran sebaik-baiknya. Allah berfirman bermaksud:

“Demikianlah perumpaan yang dibuat oleh Allah bagi manusia dan tidak ada yang memahaminya kecuali orang-orang yang berilmu.”

(Al-'Ankabut: 43)

3. Berkeahlian melakukan istinbath. Firman Allah yang bermaksud:

“Apabila datang kepada mereka suatu berita tentang keamanan atau ketakutan, mereka lalu menyiarkannya. Kalau mereka menyerahkan kepada rasul dan ulil amri di antara mereka, tentulah orang-orang yang mampu mengambil hukum (akan dapat) mengetahuinya daripada mereka (rasul dan ulil amri). Kalau tidak dengan kurnia dan rahmat daripada Allah kepada kalian, tentulah kalian mengikuti syaithan kecuali sedikit saja.”

(An-Nisa: 83)

4. Tunduk dan khusyu' dalam merealisasikan perintah-perintah Allah Subhanahu wa Ta'ala. Allah berfirman dengan maksud:

“Katakanlah: ‘Berimanlah kamu kepadanya atau tidak usah beriman (sama saja bagi Allah). Sesungguhnya orang-orang yang diberi pengetahuan sebelumnya apabila Al Qur'an dibacakan kepada mereka, mereka menyungkur atas muka mereka sambil bersujud, dan mereka berkata: “Maha Suci Tuhan kami; sesungguhnya janji Tuhan kami pasti dipenuhi”. Dan mereka menyungkur atas muka mereka sambil menangis dan mereka bertambah khusyu’.”

(Al-Isra: 107-109)

5. Yakin dengan kebenaran dan hidayah dan membimbing pada jalan Allah S.W.T. Allah berfirman, maksudnya:

“Dan orang-orang yang diberikan ilmu memandang bahawa apa yang telah diturunkan kepadamu (Muhammad) dari Rabbmu adalah kebenaran dan akan membimbing kepada jalan Allah Yang Maha Mulia lagi Maha Terpuji.”

(Saba: 6)

Ibnu Rajab Al-Hambali menyatakan bahawa ulama' adalah mereka yang tidak menginginkan kedudukan, membenci segala bentuk pujian serta tidak menyombongkan

diri. Mereka adalah orang yang tidak mengaku berilmu, tidak berbangga-bangga dengan ilmun dan tidak semudahnya menghukumi orang. Mereka bersikap berburuk sangka kepada diri mereka sendiri dan berbaik sangka kepada ulama salaf dan ulama' terdahulu dan mengakui bahawa mereka tidak mampu mengatasi keilmuan dan martabat mereka. Al-Hasan pula menambah bahawa orang faqih adalah orang yang *zuhud* terhadap dunia dan cinta kepada akhirat, berilmu tentang agamanya dan sentiasa dalam beribadah kepada Rabbnya. Mereka tidak hasad kepada sesiapa yang berada di atasnya dan tidak menghina mereka yang ada di bawahnya.” (Ibn Rajab, t.t)

### **Kedudukan dan Ciri Umara'**

Pemerintah atau ulil al-amr ialah khalifah Allah di bumi. Diamanahkan oleh Allah untuk memerintah akan rakyat, mentadbir alam dan mengurus sumber tabii. sebagaimana yang disebut dalam kata-kata masyhur Arab mengenai tugas pemerintah atau sultan (al-Sawi, t.t.): Memelihara agama dan menguruskan dunia dengannya (dengan agama).

Pemerintahan dan pentadbiran adalah berlunaskan konsep imamah. Sebagaimana dalam solat jemaah makmum wajib mengikuti imam, begitu jugalah dalam konsep kenegaraan. Manakala kuasa yang diperolehi sultan merupakan amanah Allah SWT kepada manusia yang perlu digunakan secara betul sejajar dengan kehendak yang dituntut oleh syari'ah (Afifah Abu Yazid, 2004; Muhammad Ikhlas, 2018).

Menurut al-Mawardi dalam kitabnya al-Ahkam al-Sultaniyyah menyenaraikan 10 tugas utama bagi seorang pemerintah atau umara', iaitu (al-Mawardi, 1973; Imam al-Mawardi, 2000; Muhammad Ikhlas 2018):

1. Memelihara agama sesuai dengan prinsip-prinsip yang diperakui dan apa yang telah menjadi ijma' para salaf. Sekiranya muncul golongan yang membuat bid'ah atau golongan sesat yang menimbulkan syubhat, hendaklah dia menegakkan hujjah dan menjelaskan kebenaran kepada mereka, Hendaklah mengambil tindakan yang sesuai dengan hak-hak dan batas-batas tertentu agar agama dapat diperlihara dan membebaskan umat dari kesesatan.

1. Melaksanakan hukum bagi dua orang yang berurusan dan meleraikan dua orang yang bergaduh sehingga keadilan dapat dicapai. Orang yang zalim tidak akan tidak akan malampau dan orang yang dizalimi tidak akan tertindas.
2. Melindungi negara dan tempat-tempat suci agar manusia bebas melakukan kerja dan bermusafir dengan perasaan selamat terhadap diri dan harta.
3. Menegakkan hukuman hudud untuk menjaga larangan-larangan Allah daripada dilanggar oleh manusia dan memelihara hak-hak hamba-Nya daripada sebarang kemusnahan dan kerosakan.
4. Mempertahankan daerah-daerah yang berada di sempadan dengan benteng yang kukuh dan kekuatan tentera yang kuat sehingga musuh tidak dapat masuk untuk memusnahkan kehormatan atau menumpahkan darah orang Islam serta orang yang berdamai dengan orang Islam.
5. Berjihad memerangi orang yang menentang Islam apabila mereka telah didakwahi sehingga masuk Islam, atau masuk dalam perlindungan orang-orang Islam (ahli zimmi) agar hak Allah iaitu kemenangan terhadap seluruh agama dapat direalisasikan.
6. Mengambil fai' dan sedekah selaras dengan apa yang diwajibkan secara nas mahupun ijтиhad tanpa rasa takut dan paksa.
7. Menentukan gaji atau apa sahaja yang diperlukan dalam Baitulmal tanpa berlebih-lebihan, kemudian mengeluarkannya tepat pada waktunya iaitu tidak mempercepatkan atau melambatkannya.
8. Mengangkat orang terlatih untuk menjalankan tugas-tugas, dan orang yang jujur dalam menguruskan kewangan, agar tugas-tugas dapat dilakukan oleh orang yang pakar dan kewangan diuruskan oleh orang yang jujur.
9. Turun untuk menangani segala persoalan dan memerhati keadaan, agar dia sendiri yang memimpin ummat dan melindungi agama.

### **Pertalian antara Ulama'-Umara' dalam Pembentukan *Khaira Ummah***

Perbincangan di atas jelas menunjukkan pertalian yang rapat antara ulama' dan umara' dari perspektif Islam. Ciri yang dimiliki oleh ulama' dan umara' menggambarkan visi dan misi mereka yang selari dalam membentuk satu hala tuju yang sama iaitu menjunjung perintah Allah dan mencorak dunia berpenghunikan *khaira ummah*.

Imam al-Ghazali (t.t) mengatakan "*agama dan negara merupakan dua hati yang tidak dapat dipisahkan.*" Istilah agama dalam ungkapan di atas merujuk kepada pemikir agama (ulama') dan pemikir negara (umara') (Muhammad Nuh, 2014). Sebuah hadith Rasulullah S.A.W. menegaskan bahawa baik dan buruknya suatu masyarakat adalah bergantung kepada dua kelompok manusia yang memimpin mereka iaitu ulama' dan umara'. Maksud hadith:


“Ada dua kelompok manusia, jika kedua-duanya baik, maka manusia (masyarakat) seluruhnya akan menjadi baik dan jika kedua-duanya rosak, manusia (masyarakat) seluruhnya juga akan menjadi rosak. Mereka itu ialah umara' dan ulama'.”

(Riwayat Ibn Abdul Barr).

Ungkapan Imam al-Ghazali (t.t) dalam kitab *Ihya' al-Ulumuddin* mendokong hadith di atas:

"Rakyat menjadi rosak akibat rosaknya pemerintah dan pemerintah menjadi rosak akibat kerosakan ulama' yang buruk (*al-su'u*) dan kerosakan ulama' disebabkan oleh cinta harta dan kedudukan. Dan barang siapa yang dikuasasi oleh kecintaan dunia, maka dia tidak akan mampu mengurus rakyat kecil, apalagi penguasanya".

Jelas daripada perbincangan di atas bahawa ulama dan umara walaupun fungsi dan peranannya berbeza secara zahirnya, namun hakikatnya ia menuju selari ke arah tujuan yang sama. Ulama' dan umara' tidak boleh dipisahkan dan merupakan gandingannya telah berlaku sejak kedatangan awal Islam di Alam Melayu (Raja Nazrin Shah, 2007). Ulama' dan umara' saling mengimbangi dalam menegakkan syariat Islam, amar makruf dan nahi munkar dan mengembangkannya kepada masyarakat. Oleh itu, tidak lengkap sekiranya sesebuah kerajaan Islam tanpa dibelakangi oleh seorang ulama.



Rajah 1: Pertalian Ulama'-Umara'

### **Prinsip Asas Ulama'-Umara' dalam Membentuk Khaira Ummah**

Islam menggariskan beberapa prinsip utama yang perlu dihayati oleh pemimpin ummah baik dalam kalangan ulama' maupun umara' dalam mereka menunaikan amanah dan tanggungjawab yang diberi. Antaranya:

#### **1. Jawatan adalah beban tanggungjawab bukan satu kemuliaan**

Setiap jawatan yang diberikan bukanlah merupakan satu kemuliaan yang mutlak dan boleh dibanggakan. Walaupun ianya suatu yang patut disyukuri atau diterima dengan perasaan gembira dan lapang dada namun apa yang lebih perlu diberi perhatian adalah jawatan perlu diterima sebagai amanah dan tanggungjawab besar ke atas individu yang dilantik. Hanya satu jawatan yang menjadi kemuliaan di dalam Islam iaitu kenabian dan kerasulan. Seseorang yang dilantik menjadi nabi atau rasul oleh Allah, sebenarnya ia mendapat kemuliaan dan kelebihan daripadaNya (Ahmad al-Fatani, t.t).

Berpegang kepada prinsip ini akan mendorong penerima jawatan berkerja dengan sebaik mungkin dan penuh amanah di samping menjadi sumber motivasi untuk tidak berlagak sompong dan bangga diri. Keluhuran prinsip ini dapat dikesan melalui perwatakan tawadhus yang ditunjukkan oleh para pentadbir daripada generasi pertama.

Islam. Khalifah Umar bin al Khattab misalnya, memikul sendiri gandum untuk dihantar kepada sebuah keluarga miskin di Madinah. Khalifah Uthman bin Affan pula mudah ditemui di mana sahaja bahkan dikatakan masjid adalah tempat istirehat beliau. Beliau terus-menerus bertanya masalah rakyat dari semasa ke semasa hingga ke saat mengangkat takbiratulihram bagi mengimami sembahyang fardu bersama-sama rakyat jelata (Ibn Kathir, 1985).

Berikut beberapa kenyataan yang terdapat dalam sumber Islam berkaitan prinsip ini:

i. Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

“Sesungguhnya (jawatan) adalah amanah dan merupakan kehinaan dan penyesalan di akhirat”

(Riwayat Muslim)

Kehinaan dan penyesalan dalam hadith ini bermaksud balasan neraka yang diperolehi sekiranya tidak ditunaikan dengan betul, sekaligus menunjukkan bahawa ia bukanlah suatu kemuliaan.

ii. Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

“Sesiapa yang diberi jawatan, lalu ia mehalang manusia dari menemuinya (cuai dengan tanggungjawab), maka Allah akan mehalangnya di akhirat”.

(Riwayat Abu Daud dan Tarmizi)

iii. Ketika khalifah Abdul Malik bin Marwan hampir meninggal dunia, beliau terdengar bunyi orang membasuh pakaian, lalu berkata:

“Alangkan baiknya aku menjadi orang yang membasuh pakaian, bukannya sebagai pemerintah”.

Ungkapan ini membayangkan bahawa pembasuh kain yang tiada jawatan adalah lebih mulia daripadanya kerana tiada tanggungjawab besar akan dihisabkan oleh Allah di akhirat kelak (Ibn Kathir, 1985).

## 2. Tanggungjawab Lebih Penting daripada Imbuhan

Prinsip ini menekankan bahawa apa jua jawatan yang diberikan, maka *mas'uliyat* atau tanggungjawab untuk melaksanakan tuntutannya adalah paling utama untuk diberi perhatian. Walaupun terdapat upah atau gaji (atau apa saja bentuk keuntungan keduniaan) yang diperolehi sebagai imbuhan kepada sesuatu jawatan, ia hendaklah dilihat sebagai tuntutan *fitrah* sahaja. Sementara tanggungjawab melaksanakan tuntutan jawatan yang diberikan perlu dilihat sebagai tuntutan agama dan sebagai hak masyarakat. Oleh sebab itu, seseorang yang berjaya meletakkan perasaan bahawa tanggungjawab lebih penting daripada imbuhan, pastinya akan memperolehi dua kebajikan iaitu mendapat imbuhan di dunia dan pahala atau balasan yang baik di akhirat. Ini kerana ia berkait dengan keikhlasan yang selalu ditekankan dalam Islam (Abdul Rahman Mustafa, 1989).

Khalifah Uthman bin Affan r.a tidak pernah mengambil gaji bagi jawatan khalifah sepanjang hampir dua belas tahun beliau memerintah dunia Islam (24-35 H). Bahkan beliau telah banyak mengorbankan harta bendanya bagi membantu mereka yang memerlukan bantuan di bawah pemerintahannya. Ibnu Kathir dalam kitab al Bidayah menyebutkan bahawa Khalifah Muawiyah bin Abu Sufyan r.a yang membina kerajaan Bani Umayyah dan telah memerintah dunia Islam yang amat luas pada zamannya selama dua puluh tahun (40-60 Hijrah) dikatakan dapat ditemui di pasar-pasar dengan hanya berpakaian yang bertampal. Apabila beliau hampir meninggal dunia, beliau telah berpesan supaya separuh daripada hartanya diberikan kepada negara atau *baitulmal* atas rasa kebimbangan dan takut terambil harta yang tidak sepatutnya sepanjang tempoh pemerintahan beliau (Ibn Kathir, 1985:).

Kedua-dua khalifah di atas menunjukkan satu nilai yang perlu dibina dalam diri setiap insan yang melibatkan diri dalam pentadbiran bahawa tanggungjawab mesti ditunaikan sebaik mungkin, bukannya imbuhan dan keuntungan dunia yang menjadi matlamat utama. Biarpun begitu, Islam sebagai agama *fitrah* amat meraikan naluri kemanusiaan yang mengharapkan harta bagi keselesaan kehidupan. Justeru, Islam turut memperkenalkan dalam sistem imbuhan atau gaji secara adil dan saksama.

### **3. Kesetiaan Kepada Ketua**

Prinsip ini bermaksud bahawa setiap pekerja dalam sesebuah pentadbiran dikehendaki patuh kepada arahan dan perintah ketua atasannya. Sudah pasti arahan atau perintah itu adalah dalam lingkungan pekerjaan dan tuntutan tugas serta berdasarkan kepada disiplin atau peraturan yang termaktub dalam sesebuah organisasi. Ini sejajar dengan firman Allah yang bermaksud:

“Taatlah kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan penguasa dalam kalangan kamu”.

Al Nisa’: 59

Ketaatan kepada ketua atau pemimpin mahupun institusi boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama, polisi umum iaitu menepati dasar halal haram, akidah dan prinsip ketaatan kepada Allah dan RasulNya. Kedua, polisi khusus iaitu polisi yang digarap oleh sesebuah jabatan, kerajaan atau institusi. Polisi tersebut tidak ada kaitan dengan soal halal haram atau akidah tetapi ia lebih menjurus kepada pendekatan dan gaya kepimpinan dan pentadbiran yang dibentuk (Ahmad Abdul Azim, 1994).

Berteraskan makna ketaatan dalam polisi khusus ini, seseorang pegawai atau penjawat jawatan mestilah memahami akan polisi kerajaan atau organisasi dan polisi tersebut mestilah akur biarpun ada kalanya ianya ‘tidak berkenan di hati’. Kepatuhan kepada polisi khusus perlu wujud terhadap mana-mana individu yang bernaung dalam sesebuah organisasi selagi mana polisi tersebut masih dalam lingkungan harus mengikut hukum Islam. Contoh dalam persoalan ketaatan kepada polisi khusus dapat dilihat apabila khalifah Ali bin Abu Talib r.a pernah bertindak memecat semua pegawai-pegawai yang tidak sehaluan dengan polisi pentadbirannya dalam mengendalikan kes pembunuhan khalifah Uthman bin Affan. Bagi Saidina Ali, urusan *qisas* kepada pembunuh Uthman hendaklah diselesaikan selepas kestabilan politik dalam negara Islam dipulihkan terlebih dahulu.

Polisi ini bertentangan dengan pandangan beberapa pegawai atau gabenor wilayah-wilayah Islam seperti Muawiyah bin Abu Sufyan r.a yang berpandangan bahawa urusan *qisas* pembunuhan Uthman hendaklah diselesaikan terlebih dahulu sebelum perkara lain termasuk soal perlantikan khalifah baru. Muawiyah kemudiannya dipecat oleh Saidina

Ali. Begitu juga khalifah Ali memecat al Asytar sebagai gabenor di Mesir kerana dikatakan mempunyai pendirian yang berlainan dengan polisi yang telah digariskan oleh pihak kerajaan pimpinan Ali. Pemecatan ini bukanlah kerana luputnya ketaatan al Asytar kepada Ali, tetapi kerana tidakakuran al Asytar kepada polisi Ali (Ibn Kathir, 1985: 334).

### **Kesimpulan**

Tegasnya, peranan ulama'-umara' harus digabung dan dipadukan dalam semua mekanisme pemerintahan dalam pembentukan *khaira ummah*. Kepemimpinan dari perspektif Islam yang terfokus kepada ulama'-umara' sebagai peneraju kelangsungan politik adalah amanah Allah S.W.T yang bakal dipersoalkan di mahkamah Allah kemudian hari. Justeru, ia wajar dimainperanankan sebaik yang mungkin agar memperolehi pulangan ganjaran yang baik di sisi Allah.

### **Rujukan**

Abdul Ghani Azmi Bin Haji Idris (1999), Bagaimana Islam Berpolitik dan Memerintah, Kuala Lumpur: Al- Hidayah Publisher

Ahmad Abdul Azim (1994), Usul al Fikr al Idari, Qaherah: Maktabah Wahbah

Ahmad bin Muhammad al Fatani (t.t), Faridat al Fara'idh , Pulau Pinang: Matba'ah al Ma'arif

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad, Ihya' 'Ulum al-Din, Beirut: Dar al-Ma'rifah

Al-Mawardi, 'Ali bin Muhammad (1973), Al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Walayat al-Diniyyah, Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi.

Al-Sawi, Salah (t.t.), Al-Tatarruf al-Dini al-Ra'y al-Akhar, Al-Afaq al-Dauliah li al-I'lam.

DYTM Raja Nazrin Shah. (2007). "Gandingan Ulama dan Umara dalam Pembinaan Negara: Sejarah, Realiti dan Masa Depan." Titah Utama Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan Raja Nazrin Shah Di Muzakarah Ulama, Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan, Ipoh, 5 Julai 2007.

Ibnu Hisyam (t.th), al Sirah al Nabawiyah, Beirut: Dar al Fikr

Ibnu Kathir (1985), Al-Bidayah wa al-Nihayah, Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah.

Ibnu Rajab Al-Hambali (t.th), Al-Khithabul Minbariyyah. Diakses daripada <https://idr.uin-antasari.ac.id/7542/5/BAB%20II.pdf>

Imam al-Mawardi (2000), Al-Ahkam as-Sulthaniyyah: Prinsip-prinsip Penyelenggaraan Negara Islam, Fadhl Bahri, Lc. terj. Jakarta: Darul Falah.

Muhammad Ikhlas Rosele Rahimin Affandi Abd Rahim Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali (2018), Peranan Sultan dalam Perkembangan Sultan di Negeri Pahang, Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 29, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

Muhammad Nuh Rasyid (2014), Kapasitas Ulama dalam Bernegera, Jurnal IAIN Langsa Volume 6 No. 1, Jun 2019, Universiti Agama Islam Negeri Langsa. Diakses daripada: <https://journal.iainlangsa.ac.id/index.php/ikhtibar>

Razaleigh Muhamat @ Kawangit (2014), Kedudukan politik dalam Islam. Diakeses daripada:

[https://www.researchgate.net/publication/301886998\\_KEDUDUKAN\\_POLITIK\\_DALAM\\_ISLAM](https://www.researchgate.net/publication/301886998_KEDUDUKAN_POLITIK_DALAM_ISLAM)